

**Kes bunuh, dakwat kekal, rasuah isi petisyen PRU13**  
**Malaysian Insider**  
**July 4 , 2013**  
**Oleh TRINNA LEONG dan KIMBERLY YEO**

Di sebalik seberkas affidavit, nota, testimoni dan pelbagai lagi bukti yang melengkapkan 39 petisyen pilihan raya yang difailkan Pakatan Rakyat (PR) selepas tamat PRU 13, terselit kisah K Murugan, atau lebih tepat lagi, kisah pembunuhan kejamnya.

Kematiannya hanya mendapat sedikit perhatian di akhbar tempatan ketika menjelangnya 5 Mei, dan jika tidak kerana usaha berterusan keluarganya dan ahli Parti Keadilan Rakyat (PKR), Vasantha Kumar, kisahnya pasti tidak diendahkan langsung hingga sekarang.

Vasantha, yang juga calon Tapah, berkata Murugan bekerja untuknya dalam pertarungan menentang calon MIC, Datuk M Saravanan. Beliau berkata, Murugan bertanggungjawab menganjurkan rapat umum politik dan golongan akar umbi mengenalinya.

Menurutnya, Murugan menerima ugutan bunuh dan disuruh berhenti daripada menjalankan kempen untuk pembangkang. Bagaimanapun, dia mengabaikan ugutan itu dan tidak teragak-agak keluar dari rumahnya pada 1 Mei selepas menerima panggilan telefon dan itu adalah kali terakhir dia dilihat hidup. Mayatnya ditemui di sungai, ditenggelami dengan besi buruk sementara tangan dan kakinya terikat.

Vasantha berkata: "Kita percaya Murugan dibunuh untuk menakutkan pengundi. Pengundi tempatan mengenalinya dan tugasnya ialah menganjurkan ceramah untuk saya."

Kejadian ini mungkin yang pertama berlaku dalam sejarah Malaysia iaitu pembunuhan diangkat menjadi sebab untuk membatalkan keputusan pilihan raya. Ini juga adalah kali pertama dalam sejarah apabila terlalu banyak petisyen pilihan raya difailkan oleh Barisan Nasional (BN) dan PR.

Jumlah keseluruhan petisyen difailkan ialah 58 di semenanjung Malaysia, Sembilan di Sabah dan dua lagi di Sarawak selepas tarikh akhir, 12 Jun lalu. Kes yang banyak difailkan ini mungkin tidak mengejutkan kerana pelbagai tuduhan mengenai penipuan dan undi diusik berlaku sepanjang tempoh kempen PRU 13.

Antara punca lain yang menyebabkan banyak petisyen difailkan ialah akibat daripada kesedihan PR kerana gagal menawan Putrajaya.

Selain pembunuhan Murugan, asas utama pembangkang dalam mendapatkan pembatalan keputusan pilihan raya ialah isu dakwat kekal yang rosak dan rasuah. Malah, kebanyakan petisyen yang difailkan oleh PR berkaitan dengan dakwat kekal, menurut R Sivarasa, salah seorang peguam yang mewakili barisan pembangkang.

"Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melakukan penipuan apabila dakwat kekal itu gagal berfungsi dengan baik. Dakwat itu tiada kandungan 'silver nitrate' menyebabkan ia hilang dengan mudah apabila dibasuh," katanya.

Di Parlimen, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Shahidan Kassim, berkata dakwat itu mengandungi pewarna makanan, bukan 'silver nitrate' iaitu bahan kimia yang memastikan dakwat itu kekal di kulit untuk sekurang-kurangnya 72 jam.

PR juga akan memfailkan tuntutan sivil terhadap SPR atas kegagalannya mengendalikan pembuangan undi secara adil.

Sivarasa berkata, antara tuduhan yang dimasukkan ke dalam petisyen PR membabitkan 'corak mengundi yang meragukan bagi kertas mengundi awal'. PR mempersoalkan kesahihan undi pos dan undi yang dihantar oleh anggota polis dan pasukan keselamatan.

"Peti undi disimpan selama lima hari tanpa pengawasan pemerhati pilihan raya," katanya.

Petisyen itu turut merujuk kepada tuduhan terhadap kegiatan membeli undi di beberapa tempat termasuk di kerusi Bagan Datok yang dimenangi Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid dituduh membelanjakan RM2 juta, 10 kali lebih banyak daripada jumlah perbelanjaan pilihan raya yang dibenarkan, selepas rakaman video beliau mengakui menawarkan wang tunai RM100 dan beras kepada 24,000 orang diketahui.

Sementara itu, sumber BN berkata, barisan pemerintah dalam 21 petisyen pilihan rayanya menjadikan ugutan terhadap pengundi di Johor dan penolakan beberapa kertas undi yang dicemari dengan dakwat kekal sebagai alasan petisyen.

"Kertas undi itu ditolak kerana ia dicemari dengan dakwat. Jika kertas undi itu dibenarkan, keputusan akan berpihak kepada kami," katanya.

Dakwat itu bertujuan mengenal pasti siapa yang sudah mengundi dan menghalang mereka daripada membuang undi kali kedua. Tetapi, ada pengundi yang menggunakan dakwat di jari mereka untuk menanda kertas undi.

Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin memfailkan petisyen terhadap Adun PKR, Nurul Izzah, wanita yang menang tipis menewaskannya di kerusi Lembah Pantai. Raja Nong Chik menuduh Nurul Izzah memanipulasi pengundi dan kemudian menggunakan media sosial menggesa mereka supaya tidak mengundi BN.

Di Parlimen Batu, BN memfailkan petisyen mempersoalkan kelayakan calon PKR, Chua Tian Chang untuk bertanding dalam PRU13.

Dr Dominic Lau yang memfailkan petisyen itu percaya Chua sepatutnya tidak dibenarkan untuk bertanding dalam PRU 13 kerana ahli PKR itu mempunyai sabitan lampau.

Peguam percaya kebanyakan petisyen pilihan raya itu tidak akan berjaya kerana pimpinan tertinggi dikatakan terikat dalam memusingkan keputusan pilihan raya dan mahkamah terpaksa membuat keputusan tanpa bukti jelas.

Peguam, Art Harun, baru-baru ini dalam sebuah artikel berkata, persoalan mengenai keberkesanan dakwat kekal atau ketidakcekapan SPR dalam isu dakwat itu semata-mata tidak mencukupi kerana soalan yang akan menarik perhatian mahkamah ialah: adakah permainan kotor dalam dakwat itu membenarkan ada kumpulan pengundi yang mengundi dua kali dan adakah kesilapan itu menjejaskan keputusan pilihan raya.

Sama seperti kes petisyen pilihan raya di Tapah, pembangkang perlu menunjukkan bukti bahawa pengundi diugut dan ditakut-takutkan dengan pembunuhan Murugan sehingga menyebabkan mereka mengundi BN. - 4 Julai 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/petisyen-pru13-terbanyak-dalam-sejarah-malaysia/>